



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PERAKAUNAN KEWANGAN / PRINSIP
PERAKAUNAN**

KOD KURSUS : DPI1043 / DPP1023/ DSM1033

PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**.
 - i. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab **BAHAGIAN B** dan **C** di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUAsoalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Siapakah yang bertanggungjawab memperkenalkan sistem catatan bergu yang digunapakai pada masa kini?
 - A. Venice
 - B. Luca Pacioli
 - C. Adam Keynes
 - D. John Smith

2. Antara berikut yang manakah benar tentang simpan kira?
 - A. Simpan kira adalah proses merekodkan urus niaga dalam dua atau lebih akaun yang berbeza
 - B. Simpan kira adalah proses menganalisis dan mentafsir urus niaga perniagaan dan laporan perakaunan
 - C. Simpan kira adalah proses merekod urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan sistem catatan bergu
 - D. Simpan kira adalah proses mengumpulkan maklumat perakaunan yang berkaitan dengan kedudukan kewangan perniagaan untuk laporan kewangan

3. Berikut merupakan pengguna luaran maklumat perakaunan kecuali
 - A. Pemiutang
 - B. Kerajaan
 - C. Pelabur
 - D. Pekerja

4. Maklumat di bawah ini menerangkan ciri-ciri sejenis perniagaan.

- Bilangan ahli seramai 2 hingga 50
- Liabiliti tidak terhad
- Cukai pendapatan perseorangan

Jenis perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- A. Perkongsian Ali dan Abu
- B. Syarikat Mawar Sdn Bhd
- C. Bahagia Enterprise
- D. Berjasa Berhad

5. Penyataan di bawah merupakan konsep dan prinsip asas perakaunan.

Sesebuah perniagaan dianggap sebagai satu unit yang tersendiri dan terpisah dengan pemiliknya dari segi perakaunan

Konsep dan prinsip asas perakaunan manakah yang memberi maksud kepada penyataan di atas?

- A. Tempoh perakaunan
- B. Entiti berasingan
- C. Pemadanan
- D. Ketekalan


6. Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu urusan niaga,

Prinsip manakah yang diamalkan?

Akaun Bank			
	2012		RM
	Mei 5	Belian	500
Akaun Belian			
2012	RM		
Mei 5	500	Bank	

- A. Tempoh Perakaunan
- B. Entiti Berasingan
- C. Catatan Bergu
- D. Ketekalan

7. Rajah di bawah ini menunjukkan kitaran perakaunan yang tidak lengkap.



Apakah Y?

- A. Catatan Buku Pertama – Jurnal
- B. Penyediaan Imbangan Duga
- C. Pengeposan ke Lejar
- D. Pelarasan

8. Maklumat yang berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Sensasi.

	RM
Aset	17,500
Belanja	11,200
Liabiliti	9,900
Hasil	6,500

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A. RM12,300
- B. RM22,700
- C. RM25,300
- D. RM32,100

9. Pada 26 Februari 2017, Perniagaan Tekad menerima cek daripada Perniagaan Tawakal berjumlah RM6,600. Apakah akaun yang akan dikreditkan bagi Perniagaan Tekad?

- A. Bank
- B. Jualan
- C. Pemiutang
- D. Penghutang

10. Antara berikut, yang manakah merupakan catatan bergu yang salah?

	Debit	Kredit
A.	Belanja	Belanja terakru
B.	Hasil	Hasil terdahulu
C.	Belanja	Belanja terdahulu
D.	Hasil terakru	Hasil

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Berikan **DUA (2)** pengguna dalaman maklumat perakaunan.

(2 markah)

b) Huraikan **TIGA (3)** konsep dan prinsip asas perakaunan.

(6 markah)

[8 MARKAH]

SOALAN 2

a) Dengan menggunakan persamaan perakaunan, lengkapkan jadual berikut:

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
i.	75,800		52,100
ii.		37,600	65,000
iii.	115,210	44,050	

(3 markah)

b) Berikut adalah transaksi bagi Syarikat Redha pada bulan Ogos 2017.

Tarikh	Transaksi
1	Pemilik membawa masuk tunai di bank sebagai modal sebanyak RM48,000
3	Beli perabot secara kredit bernilai RM5,800 daripada Yasmin Sdn Bhd
8	Beli barang niaga secara tunai bernilai RM5,650 daripada Pembekal Naurah
11	Jualan tunai sebanyak RM4,070
15	Pemilik mengambil barang niaga RM350 untuk kegunaan peribadi
19	Terima hasil dividen dengan cek berjumlah RM1,330
28	Bayar gaji pekerja dengan tunai berjumlah RM3,200

Dikehendaki:

Nyatakan kesannya terhadap aset, belanja/ belian, liabiliti, ekuiti pemilik dan hasil seperti contoh yang ditunjukkan di bawah:

Contoh: Bayar sewa premis dengan cek berjumlah RM1,400

Jul 2015	Aset + (RM)	Belanja/ = Belian (RM)	Liabiliti + (RM)	Ekuiti + (RM)	Hasil (RM)
contoh	Bank - 1,400	Belanja Sewa + 1,400			

(7 markah)

[10 MARKAH]

SOALAN 3

Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan bagi setiap urus niaga di bawah ini.

Urus Niaga		Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
(a)	Memulakan perniagaan dengan tunai di bank		
(b)	Menerima cek daripada Penghutang Selamat		
(c)	Memulangkan barang rosak kepada Pemiutang Pembekal Musa		
(d)	Membayar sewa premis dengan cek		
(e)	Menerima diskaun tunai daripada Pemborong Teguh		
(f)	Jualan tunai		

[12 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Transaksi berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Redha.

2017

- Jun 2 Pemilik memulakan perniagaan dengan membawa kenderaan bernilai RM55,400 untuk kegunaan perniagaan
- 7 Beli barang niaga dengan cek bernilai RM3,700 daripada Pemborong Indah
- 11 Jualan secara kredit kepada Perniagaan Syukur bernilai RM5,500
- 22 Terima tunai dari Perniagaan Syukur berjumlah RM5,500 dan diberi diskaun tunai sebanyak RM220
- 26 Bayar gaji pekerja dengan tunai RM4,300
- 30 Komisen diterima dengan cek RM2,500

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Jurnal transaksi

(7 markah)

- b) Akaun lejar untuk mencatat semua urusan niaga

(7 markah)

- c) Imbangan duga pada 30 Jun 2017

(6 markah)

[20 MARKAH]

SOALAN 2

Berikut adalah Imbangan Duga bagi Mutiara Trading pada 31 Oktober 2016

Imbangan Duga pada 31 Oktober 2016

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Jualan		105,300
Belian	54,900	
Pulangan Jualan	1,800	
Diskaun diberi	320	
Pulangan Belian		750
Diskaun diterima		300
Upah dan Gaji	8,100	
Hutang lapuk	480	
Komisen		1000
Insuran	2,700	
Inventori pada 1 Julai 2016	8,400	
Air, Elektrik dan Telefon	4,570	
Sewa	13,000	
Modal		100,000
Ambilan	1,250	
Penghutang	25,500	
Pemiutang		22,800
Premis	53,000	
Lekapan dan Lengkapan	8,000	
Tunai	10,850	
Bank	37,280	
	230,150	230,150

Maklumat tambahan pada 31 Oktober 2016 adalah seperti berikut:

1. Inventori pada 31 Oktober 2016 bernilai RM5,800.
2. Sewa yang dibayar adalah termasuk sewa untuk bulan November 2016.
3. Penghutang dengan jumlah hutang berjumlah RM1,500 didapati muflis. Amaun ini dihapuskan sebagai hutang lapuk.
4. Pemilik mengambil barang jualan bernilai RM500 daripada perniagaan untuk keperluan peribadi.
5. Susutnilai ke atas aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Premis	10%
Lengkapan dan Lengkapan	5%

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Jurnal pelarasan (5 markah)
 - b) Penyata Pendapatan bagi bulan berakhir 31 Oktober 2016; (12 markah)
 - c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2016. (8 markah)
- [25 MARKAH]**

SOALAN 3

Berikut merupakan Buku Tunai (ruangan bank) dan Penyata Bank bagi Perniagaan Berjaya bagi bulan Disember 2016. Didapati terdapat ketidaksamaan antara baki di dalam Penyata Bank dengan Buku Tunai (ruangan bank) perniagaannya. Baki-baki akaun beliau adalah seperti berikut:

Buku Tunai (ruangan bank)

2016	RM	2016	RM
Disember		Disember	
1 Baki b/b	8,500	5 Bestari Ent	8,000
3 Adzim 77213	2,900	7 Amira	4,600
9 Jualan	3,300	13 Faridah	1,800
24 Zubaidah 53421	10,000	25 Gaji	5,800
28 Raudhah 48777	6,000	30 TNB	2,200
		31 Baki h/b	8,300
	<u>30,700</u>		<u>30,700</u>

Penyata Bank bagi bulan Disember 2016

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2016			RM	RM	RM
Disember 1					8,500 kt
5	Cek	53289	8,000		500 kt
8	Cek	53290	4,600		4,100 dt
9	Deposit tunai			3,300	800 dt
15	Arahan tetap		2,700		3,500 dt
24	Cek	53421		10,000	6,500 kt
28	Cek tak layan	48777	6,000		500 kt
30	Faedah atas deposit			550	1,050 kt

Dikehendaki:

- a) Sediakan buku tunai terselaras (4 markah)
- b) Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Disember 2016. (8 markah)
- c) Berikan **TIGA (3)** sebab mengapa wujudnya perbezaan antara baki penyata bank dengan baki buku tunai. (3 markah)

[15 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

